



KASIH KAKAK: Faza Haliyana 11, mencuci kerusi roda adiknya Mohamad Hakim 7, kanak-kanak istimewa di Taman Guru, ketika air mulai surut di sekitar Kota Tinggi, malam kelmarin.



BERAT SAMA DIPIKUL: Sukarelawan Kumpulan AmBank mengangkat jambatan yang hanyut dalam misi bantuan mangsa banjir di kampung Bt25, Kota Tinggi.

BH 20/1

60,000 bersih kesan banjir

Sukarelawan seluruh negara berada di Johor lakukan kerja pemulihan

JOHOR BAHRU: Lebih 60,000 sukarelawan yang kini berada di seluruh Johor menjadi barisan hadapan membantu ratusan ribu penduduk memulakan semula kehidupan yang terjejas teruk ketika banjir di negeri itu semakin pulih kecuali daerah Batu Pahat.

Air yang semakin surut membolehkan lebih ramai mangsa pulang ke rumah masing-masing tetapi mereka berhadapan kepayahan berikutan kediaman mereka rosak, harta benda musnah selain ketiadaan makanan dan keperluan asas.

Sukarelawan yang tiba dari seluruh negara sejak banjir pertama melanda 19 Disember lalu dan menjaga kebajikan mangsa di pusat penempatan, kini menumpukan usaha mengagihkan makanan serta membersihkan kemudahan awam dan rumah penduduk.

Mereka terdiri ahli pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pegawai dan

kakitangan kerajaan, sektor korporat, pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) serta parti politik terutama Umno dan parti komponen Barisan Nasional (BN) menyediakan perkhidmatan kaunseling, psikologi dan kesihatan kepada mangsa di pusat pemindahan.

Di sebuah pusat pemindahan di Batu Pahat, mangsa banjir berbaris mendapatkan rawatan perubatan daripada sukarelawan Skwad Waja Felda dan Aman Malaysia, yang meredah banjir untuk membantu penduduk.

"Kedatangan doktor ke sini amat kami harapkan. Terima kasih kami ucapkan kepada mereka," kata Ketua Kampung Panchor, Adam Mun kepada *Bernama* mengenai kunjungan sukarelawan itu ke Pusat Pemindahan Mangsa Banjir Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat.

Ketua Misi Perubatan Squad Waja Felda, Dr Shamsul Anuar Sulaiman, berkata ramai mangsa banjir amat

memerlukan rawatan perubatan kerana ramai dikesan demam, selesema, sakit mata, demam kepialu dan penyakit kulit.

Program Kampung Angkat dan Sukarelawan Mangsa Banjir yang dilancarkan kerajaan mengenal pasti 76 kampung membabitkan 7,500 keluarga di sekitar daerah Segamat, Kota Tinggi, Batu Pahat, Kluang dan Muar yang akan mendapat bantuan sektor korporat, persatuan dan individu.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Pembangunan Masyarakat negeri, Dr Robia Kosai, berkata kerajaan Johor terharu sumbangan sukarelawan dari seluruh negara dalam membantu mangsa bencana banjir terburuk dalam sejarah negeri itu.

"Ada sukarelawan tinggal di pusat pemindahan banjir atau kampung yang teruk ditenggelami air sehingga empat hari untuk memberi semua bantuan diperlukan mangsa," kata-

nya ketika dihubungi semalam.

Sementara itu, sehingga petang semalam, 51,745 mangsa banjir terus berada di 138 pusat pemindahan di seluruh Johor berbanding 66,544 orang pada hari sebelumnya.

Bagaimanapun, daerah Batu Pahat terus mencatatkan peningkatan dengan 48,130 mangsa daripada 11,373 keluarga ditempatkan di 110 pusat pemindahan banjir berbanding 47,205 orang kelmarin, berikutan hu-

“Kedatangan doktor amat kami harapkan. Terima kasih kami ucapkan kepada mereka”

Adam Mun
Ketua Kampung Panchor

jan lebat di beberapa kawasan dan air pasang besar. Paras air di Empangan Bekok mencatatkan 18.78 meter, 1.28 meter lebih tinggi dari paras bahaya 17.5 meter dan masih dilepaskan bagi menurunkan paras takungan.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid, berkata pelepasan air takungan di tiga lagi empangan dalam pengurusan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) iaitu Sembrong di Batu Pahat, Machap di Kluang dan Labong di Mesing, dihentikan sejak semalam.

"Paras air di Empangan Bekok sehingga hari ini masih berada pada 1.28 meter lebih dari paras bahaya dan kita terpaksa melepaskan air untuk keselamatan empangan. Ini memerlukan tempoh sehingga seminggu untuk kembali ke paras normal," katanya ketika melawat pusat pemindahan Sekolah Kebangsaan Sri Bunut, Ayer Hitam, Batu Pahat, petang semalam